



SOALAN-SOALAN LAZIM MENGENAI PROGRAM SEKOLAH RENDAH TANPA TUNAI

1. Apakah Program Sekolah Rendah Tanpa Tunai BSN ?

Program Sekolah Rendah Tanpa Tunai BSN (“Program”) adalah program yang membolehkan murid sekolah rendah membuat pembayaran tanpa tunai menggunakan Kad Murid melalui Terminal Point-of-Sale (POS) yang ditetapkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN), terutamanya yang terletak di kafeteria sekolah, koperasi dan kedai buku sekitar Sekolah Tanpa Tunai BSN.

2. Di manakah Program ini dilaksanakan?

Program ini dilaksanakan di sekolah rendah di seluruh Malaysia yang memilih untuk mengambil bahagian dalam inisiatif ini (“Sekolah Tanpa Tunai BSN”). Senarai sekolah yang mengambil bahagian tersedia dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa dan dipaparkan di laman web BSN www.bsn.com.my

3. Apakah manfaat Program ini?

- Simpanan yang selamat dan terjamin
- Meningkatkan penjejakan belanjawan & perbelanjaan
- Masa transaksi yang lebih pantas
- Memupuk ekosistem tanpa tunai di sekolah
- Mendidik individu yang fasih digital – murid dan ibubapa/penjaga yang sah

4. Apakah langkah untuk menyertai program ini ?

Untuk menyertai Program ini, sekolah-sekolah rendah di Malaysia perlu menghantar permohonan melalui e-mel ke [celikkewangan@bsn.com.my](mailto:cilikkewangan@bsn.com.my). Semua murid di Sekolah Tanpa Tunai BSN boleh mendapat manfaat daripada program ini dengan mematuhi mekanisme yang ditetapkan oleh BSN seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat program yang boleh diakses di laman web rasmi BSN di www.bsn.com.my.

5. Apakah caj dan bayaran yang terlibat dalam Program ini?

Tiada yuran dikenakan untuk menyertai Program ini. Caj sebanyak RM10 hanya dikenakan bagi pengeluaran Kad Murid. Untuk mendapatkan maklumat berhubung yuran pembukaan akaun simpanan, sila rujuk laman web rasmi BSN (www.bsn.com.my).

6. Bagaimana saya boleh membuat pembayaran menggunakan Kad Murid?

- Memastikan baki Kad Murid mencukupi semasa membuat bayaran. Kad Murid boleh ditambah nilai menerusi Aplikasi Orijin School.
- Cari logo *contactless* Visa PayWave / MyDebit di kantin, koperasi atau kedai buku sekolah yang mengambil bahagian.
- Untuk melengkapkan pembelian di kaunter Juruwang, hanya sentuh Kad Murid di permukaan pembaca Terminal POS yang ditetapkan apabila diminta. Alihkan kad sebaik sahaja anda mendengar bunyi "bip".



- d) Transaksi yang diluluskan seperti yang ditunjukkan di terminal POS dianggap berjaya dan resit transaksi akan dikeluarkan kepada sebagai bukti pembelian.

***Nota: Sekiranya mesej di terminal POS menunjukkan 'declined', pembelian anda dianggap tidak berjaya.**

7. Adakah ibubapa atau penjaga yang sah boleh menetapkan had pembelian harian bagi Kad Murid?

Ibu bapa atau Penjaga yang sah dapat menetapkan dan menukar had perbelanjaan harian murid menerusi Aplikasi Orijin School.

8. Adakah Kad Murid yang dikeluarkan di bawah Program ini boleh digunakan di peniaga lain di luar sekolah?

Tidak, Kad Murid hanya boleh digunakan di Sekolah Tanpa Tunai BSN.

9. Bagaimanakah ibu bapa atau penjaga yang sah dapat memantau transaksi dan baki e-dompet anak masing-masing?

Ibu bapa atau Penjaga Yang sah boleh memantau transaksi dan baki kad murid melalui aplikasi Orijin School.

10. Adakah pembayaran tanpa tunai dijamin?

Ya, sistem Pembayaran Tanpa Tunai BSN melaksanakan pelbagai langkah keselamatan bagi memastikan traksaksi yang selamat dan boleh dipercayai:

- Kad Murid:** Kad Murid memaparkan gambar dan nama pemegang kad untuk tujuan pengenalan dan pengesahan.
- Had Pembayaran Tanpa Tunai:** Setiap transaksi tanpa sentuh boleh dihadkan oleh ibu bapa atau penjaga yang sah, yang juga boleh mematikan fungsi pembayaran melalui Aplikasi Orijin School.
- Isyarat SMS:** Makluman transaksi bagi transaksi tertentu menggunakan Kad Murid akan dihantar melalui SMS ke nombor telefon mudah alih ibu bapa atau penjaga yang sah yang berdaftar dengan aplikasi Orijin School.

11. Bolehkah saya memberikan Kad Murid kepada orang lain untuk digunakan?

Tidak. Anda tidak boleh memberi dan membenarkan individu lain menggunakan Kad Murid anda. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya Kad Murid digunakan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai atau tanpa kebenaran anda.

**12. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya Kad Murid saya hilang atau dicuri?**

Jika berlaku kehilangan atau kecurian, tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- a) Ibu bapa atau Penjaga yang sah boleh menyahaktifkan fungsi Kad Murid melalui aplikasi Orijin School.
- b) Menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Orijin School dengan mengimbas Kod QR dibawah atau atau melayari <https://school.orijin.my/>.



Kod QR Pusat Khidmat Pelanggan Orijin School
Orijin School Customer Service Centre QR Code

13. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Program Tanpa Tunai BSN?

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui saluran-saluran berikut:

- a) Laman Web BSN <https://www.bsn.com.my/>
- b) Pertanyaan melalui e-mel ke celikkewangan@bsn.com.my
- c) Khidmat Pelanggan di **1300-88-1900** (Malaysia) atau **603 2613 1900** (Luar Negara)
- d) Cawangan BSN terdekat